

Dinamika Sistem Dua Blok Parti Pada PRU-14: Kajian Kes di FELDA Trolak Utara, Perak

(The Dynamics of Two-blocks Party System in the 14th GE: A Case Study in FELDA Trolak Utara, Perak)

Mohd Firdaus Abd Aziz^{1*}, Azmil Tayeb²

¹Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.

Email: ffirdausaziz87@gmail.com

²Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.

Email: Azmil@usm.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohd Firdaus Abd Aziz
(ffirdausaziz87@gmail.com)

KATA KUNCI:

Pengundian
FELDA
Pendekatan Rasional
Pendekatan Psikologi
Pendekatan Sosiologi

KEYWORDS:

FELDA Voting
Rational Approach
Psychological Approach
Sociological Approach

CITATION:

Mohd Firdaus Abd Aziz & Azmil Tayeb.
(2022). Dinamika Sistem Dua Blok Parti
Pada PRU-14: Kajian Kes di FELDA Trolak
Utara, Perak. *Malaysian Journal of Social
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8),
e001661.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1661>

ABSTRAK

Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU 14) lalu telah mencoret sejarah baharu politik Malaysia apabila memperlihatkan perubahan kerajaan dari Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) sehingga menghilangkan status quo parti itu sebagai parti pemerintah yang ditunjangi oleh United Malay National Organisation (UMNO). Perubahan ini menjadi penanda aras bahawa sistem demokrasi Malaysia berkembang subur dan berlandaskan perlembagaan. Namun pergerakan pengundian kearah dua blok parti ini dapat dilihat bermula pada PRU 12 dan paling ketara pada PRU 13 sehingga tercetusnya dimensi politik baharu seperti tsunami bandar, tsunami Cina dan revolusi pengundi muda. Pergerakan pengundian ini bukan sahaja berlaku di kawasan bandar, namun turut terjadi di kawasan yang merupakan kubu utama UMNO seperti di kawasan luar bandar termasuklah di Federal Land Authority Development (FELDA) sehingga menafikan majoriti untuk BN membentuk kerajaan. Pergerakan undi ini dinilai dari sudut pendekatan rasional, pendekatan psikologi dan pendekatan sosiologi sebagai pendorong yang dilihat menyumbang kepada gelagat pengundi di Kawasan FELDA ini sehingga membentuk dinamika dua blok parti.

ABSTRACT

The Malaysian political scene, particularly during The 2018 Malaysian general election @ the 14th Malaysian General Election has created historic event when the ruling party Barisan Nasional (BN) was toppled from power after more than 60years of ruling, by a newly-formed coalition called Pakatan Harapan (PH). These change has caused the BN to lose its status quo as the ruling party led by United Malays National Organization (UMNO). These power-shifted scenery is said to be benchmark that the Malaysian political system has finally moving towards the right direction, by

upholding the most supreme law in Malaysia, the Federal Constitution of Malaysia. However, the momentum of voting towards these two main power blocks (BN and PH) was started to be seen during the 12th General election, and most evident during the last 13th General Election. These has subsequently trigger the new political dimension such as 'tsunami bandar', 'tsunami Cina', and revolution among the youth. These so-called momentum was evident not only in urban areas, but also in areas famously known as BN fortress, such as rural Malay villages and FELDA settlements, thus resulted to inability for the BN to form a government during the General Election. These momentum of voting will be assessed from the aspect of rational approach, psychology approach and sociology approach, which can be used as the catalyst to predict the voting pattern among people in FELDA Settlements, which will in turn created the dynamics of two-blocks party system.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menyumbangkan data bagi sorotan karya kepada pihak yang berkepentingan sama ada pertubuhan politik, badan akedemik serta individu mengenai perkembangan demokrasi di Malaysia. Hasil kajian memperlihatkan gabungan tiga pendekatan iaitu rasional, psikologi dan sosiologi yang telah membentuk tingkah laku pengundian masyarakat dalam pilihanraya.

1. Pengenalan

Pembentukan Malaysia 1963 melalui penyatuan Malaya, Sarawak dan Sabah yang mengamalkan demokrasi acuan *Westminster* telah melahirkan warna-warni politik Malaysia. Amalan demokrasi telah menuntut untuk pilihan raya dilaksanakan bagi memilih sebahagian wakil yang mewakili rakyat dalam membentuk kerajaan seterusnya mentadbir negara (Mohd. Faisal, 2002). Sistem dan pelaksanaan pentadbiran kerajaan memberi kesan menyeluruh kepada masyarakat yang akhirnya membentuk gelagat pengundian sebahagian besar masyarakatnya. Malaysia yang mempunyai kepelbagaian etnik dan didukung dengan perbezaan pembangunan di kawasan-kawasan tertentu semestinya melahirkan perbezaan budaya politik dan pengaruh di kawasan itu seperti di Federal Land Authority Development (FELDA). FELDA ditubuhkan pada 1956 dan merupakan satu program yang dilancarkan oleh kerajaan sebagai acuan kepada pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar bagi membasmi kemiskinan dan seterusnya mengimbangi pembangunan bandar dan luar bandar (FELDA, 2014). Kesan dari program FELDA yang dilaksanakan dilihat telah mempengaruhi tingkah laku pengundian ahli program itu yang dikenali sebagai peneroka FELDA. Sejak FELDA ditubuhkan sehingga Pilihan Raya Umum Ke-13 menyaksikan Barisan Nasional yang ditunjangi Parti UMNO telah memenangi kawasan FELDA dengan selesa. Namun senario itu berubah pada Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu apabila sebahagian besar kawasan luar bandar yang merangkumi Kerusi Dewan Rakyat (Parlimen) atau Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) telah beralih arah untuk lebih cenderung mengundi calon yang bukannya mewakili UMNO/Barisan Nasional. Walaupun pada pilihan raya sebelum ini iaitu pada Pilihan Raya Umum Ke-12 dan -13 telah menunjukkan beberapa *signal* penolakan kepada calon UMNO/BN di kawasan yang membangun seperti di bandar-bandar, namun perubahan undi dan pergerakan pengundian ini tidak dijangka akan turut berlaku di kawasan luar bandar, khususnya di FELDA yang merupakan deposit kepada UMNO/BN sejak dahulu lagi (Malaysiakini, 2018). Tempoh, ruang serta pengalaman

pengundi boleh mempengaruhi tindakan mereka dalam membuang undi pada pilihan raya bagi memilih calon dan parti yang benar-benar mampu mewakili mereka. Oleh demikian, kajian ini akan menilai pengaruh pendorong rasional, psikologi dan sosiologi pada pengundian peneroka di FELDA Trolak Utara dalam FELDA Gugusan Trolak yang membentuk dinamika sistem dua blok parti pada pilihan raya lepas.

2. Sorotan Karya

Menurut [Mc Gee \(1962\)](#) dan [Vasil \(1972\)](#) menjelaskan kekuatan suatu parti itu dibentuk oleh etnik yang menganggotai parti tersebut serta turut disokong oleh faktor lain seperti kewilayahan, personaliti dan kepimpinan. Faktor-faktor ini menjadi asas kepada kecenderungan individu untuk mengundi dan menyumbang kepada kemenangan parti tersebut. Manakala menurut [Ismail \(1979\)](#) model politik berteraskan etnik diguna pakai dan diamalkan dalam politik Malaysia kerana parti yang ditubuhkan adalah berdasarkan etnik seperti Melayu menyertai United Malayan National Organization (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Cina menganggotai Malaysian Chinese Association (MCA) dan Democratic Associate Party (DAP) serta India menyertai Malaysian Indian Congress (MIC).

Namun pergerakan pengundian dan sokongan kepada satu jenis parti mula dilihat pada Pilihan Raya Umum Ke-7. Ianya berlaku di kawasan bandar yang dihuni oleh penduduk pelbagai kaum dari kepelbagaian parti, akan tetapi kawasan yang didominasi oleh etnik Melayu masih menunjukkan sokongan utuh kepada satu parti iaitu UMNO ([Zakry, 1990](#)). Pergerakan pengundian ini dilihat sebagai fenomena '*political ethnic base*' mula pudar selepas wujudnya parti yang berasaskan kepelbagaian kaum seperti Parti Keadilan (kini Parti Keadilan Rakyat; PKR) ([Muhamad Takiyuddin & Sity Daud, 2016](#)).

Berdasarkan kajian [Rogers \(1992\)](#) memperlihatkan kesetiaan tinggi majoriti orang Melayu adalah kepada UMNO dan mereka melibatkan diri sepenuhnya dengan menjadi jentera parti ketika pilihan raya berlangsung. Namun dalam konteks pengundian etnik lain seperti Cina yang mempunyai pendidikan dan berstatus sosio-ekonomi sederhana mereka lebih cenderung untuk mengundi Barisan Nasional ([Chin, 1992](#)). Akan tetapi, pergerakan undi etnik ini telah beralih kepada parti lain seperti DAP bermula 1998 sehingga kini ([Junaidi & Fuad, 2013](#)). Dari konteks kaum India juga dilihat merupakan pengundi Barisan Nasional sebelum berlakunya reformasi 1998, dan sebahagian etnik ini mula beralih arah untuk cenderung menyokong PKR sehingga pernah dianggap sebagai 'Undi Penentu' kepada kemenangan sesuatu parti yang bertanding dalam pilihan raya ([Utusan, 2018](#)).

Namun menurut [Shamsul Amri \(1990\)](#) dan [Lim \(1990\)](#) pengundian rakyat Malaysia mula menunjukkan perubahan di mana pengundi lebih memfokuskan kepada kemajuan ekonomi dan infrastruktur sebagai asas untuk menyokong serta mengundi calon dan parti yang bertanding. Ini turut disokong oleh literasi dari pengembangan pendidikan, perolehan maklumat dan teknologi, serta peningkatan hubungan sosial melalui program kerajaan. Selain itu, peranan masyarakat yang dibentuk oleh hubungan sosial dari program kerajaan menjadi antara alat yang menggerakkan pengaruh kepada masyarakat untuk mengundi sesuatu parti ([Majelar, 1993](#)). Manakala kajian oleh [Hashim \(1994\)](#) menunjukkan pengundian Melayu khususnya di luar bandar masih kepada BN yang didorong oleh faktor sebangsa dan pengalaman lepas terhadap pemerintahan BN sejak merdeka.

Selain itu, menurut [Muhamad Takiyuddin dan Sity \(2016\)](#) menjelaskan perubahan undi dari semua etnik di Malaysia dari BN ke parti lain yang seakan membentuk sistem dua blok parti boleh dilihat pada Pilihan Raya Umum Ke-12 sebagai kesinambungan politik baharu. Akan tetapi dimensi kesetiaan kepada BN masih dilihat utuh dalam kalangan masyarakat Melayu luar bandar pada Pilihan Raya Umum Ke-13, namun ianya berbeza bagi etnik lain yang mempunyai kecenderungan mengundi parti lain selain BN ([Junaidi, 2017](#)). Perubahan undi ini dipengaruhi oleh isu persekitaran, taraf kehidupan merangkumi ekonomi dan pendidikan, pengalaman dan kelas hubungan masyarakat sehingga membentuk pola politik masyarakat tersendiri ([Junaidi Awang Besar et al., 2014](#)).

3. Metod Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 65 responden dari FELDA Trolak Utara dalam FELDA Gugusan Trolak di negeri Perak. Kajian menggunakan borang soal selidik secara skala *Likert* yang diedarkan kepada responden. Kaedah *non-purposive sampling* digunakan dalam penentuan pemilihan responden. Manakala maklumat yang diperolehi dari borang soal selidik ini akan dianalisis melalui *Statistics Package for Social Science (SPSS)* dan diterjemahkan dalam bentuk jadual.

4. Dapatan kajian

4.1. Pendorong Rasional

Dari [Jadual 1](#) menjelaskan kedudukan responden dalam pelbagai kategori. 12.3% responden berada dalam kategori tidak setuju di mana dinamika pengundian pada PRU-14 yang lalu disebabkan oleh calon lama yang diletakkan BN. Ini kerana calon lama yang kebiasaannya adalah dikenali umum dan diterima pengundi sekitar akan mempengaruhi kemenangan parti itu di kawasan tersebut. Menurut [Nuralawati \(2021\)](#) calon lama dilihat sangat berpotensi untuk dikekalkan dalam pilihan raya kerana rata-rata pengundi sudah mengenali calon tersebut serta menjalankan fungsi-fungsi sebagai pemimpin setempat berbanding calon muda yang hanya dikenali ketika tempoh pilihan raya berlangsung. Walaupun jumlah peratusan tidak bersetuju di mana dinamika ini dicituskan oleh jenis calon adalah rendah namun ianya mempengaruhi kadar peratusan pada kebarangkalian untuk calon itu menang dan seterusnya akan mempengaruhi kedudukan majoriti undi yang akan diterima beliau dari keputusan pilihan raya. Berdasarkan keputusan PRU-14 lepas calon dari BN yang merupakan calon lama telah memenangi kerusi tersebut dan mengekalkan status beliau sebagai Yang Berhormat kawasan DUN itu bagi penggal yang keempat.

Jadual 1: Calon Lama Vs Calon Baharu

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak Setuju	8	12.3	12.3
	Tidak Pasti	18	27.7	40.0
	Setuju	37	56.9	96.9
	Sangat Setuju	2	3.1	100.0
	Total	65	100.0	

Jadual 1 turut menunjukkan peratusan sebanyak 27.7% responden memberikan jawapan tidak pasti sama ada dinamika ini dicetuskan oleh kategori calon yang dipertandingkan oleh parti pada PRU-14 lalu. Dalam negara yang mengamalkan demokrasi tiada halangan bagi individu ataupun kumpulan masyarakat untuk terlibat mahupun tidak terlibat dalam pilihan raya kerana ianya satu elemen kebebasan mutlak kepada mereka (Shamrahayu, 2018). Responden dalam kategori ini boleh dianggap sebagai pengundi yang berkemungkinan tidak mengambil bahagian dalam PRU-14 yang lalu iaitu pengundi yang tidak keluar mengundi, tidak mengikuti kempen atau program parti dan tidak membuang undi pada hari pilihan raya berlangsung. Namun mereka juga boleh diandaikan sebagai kumpulan pengundi yang tidak mempunyai kecenderungan politik dalam menentukan siapakah yang akan diundi dan kumpulan ini sukar untuk dinilai akan perkara yang mempengaruhi pengundian mereka. Akan tetapi responden yang menyatakan tidak pasti terhadap faktor calon yang membentuk dinamika pengundian pada pilihan raya lalu juga boleh dilihat sebagai kumpulan yang tidak menilai kategori calon sebagai isu untuk mempengaruhi mereka untuk membuang undi, namun berkemungkinan kecenderungan undi mereka dipengaruhi oleh isu atau perkara lain dalam membentuk pengaruh dalam pengundian responden.

Berdasarkan keputusan PRU-14 di DUN Slim River ini menunjukkan *trend* penurunan majoriti undi, ini berkemungkinan adalah disebabkan calon BN yang merupakan calon lama dan mempunyai isu setempat yang tidak diatasi sebelum pilihan raya berlangsung seperti kejadian banjir yang terlalu kerap di kawasan tersebut (B Nantha, 2020). Selain itu isu peribadi calon BN yang dihubungkan dengan penerimaan cek peribadi dari Presiden UMNO dari sumber yang dikaitkan dengan 1Malaysia Delevopment Berhad (1MDB) turut berlegar sebagai isu berkempen oleh parti lawan ketika itu (Aida, 2019). Berdasarkan Shahbudin (2018) isu semasa persekitaran dan nilai keperibadian calon akan menentukan calon BN itu dalam mode 'menang' dalam PRU-14. Kenyataan ini dapat dihubungkan dengan pergerakan undi yang berlaku itu dengan isu setempat mahupun calon di kawasan tersebut.

4.2. Pendorong Psikologi

Pengaruh psikologi turut dilihat sebagai antara pendorong utama dalam membentuk tingkah laku individu terutamanya apabila melibatkan kepentingan peribadi mahupun kumpulan masyarakat sekitarnya. Menurut McDonald (1965) persekitaran individu itu termasuklah kesan berpanjangan dari keputusan serta tindakan pemerintah akan membentuk pengaruh kepada tindakan mereka yang terkesan dalam pengundian. Ini akan melahirkan suasana sama ada untuk menyokong dan mengundi parti pemerintah ataupun mengubah undi kepada parti lain.

Dari **Jadual 2** menunjukkan 64.4% responden berada dalam kategori setuju di mana kurangnya pembangunan kepada peneroka FELDA menyumbang kepada dinamika pengundian di kawasan kajian. Generasi peneroka FELDA kini berhadapan dengan isu seperti peluang pekerjaan dan isu ekonomi adalah merupakan isu utama dan perlu diatasi (Berita Harian Online, 2022). Dari isu yang berlaku dan maklum balas responden dapat dihubungkan dinamika ini terjadi apabila terdapat permasalahan yang berlarutan dalam pembangunan masyarakat FELDA sehingga mempengaruhi pengundian mereka pada PRU-14 lalu. Pembangunan FELDA yang dahulunya sebagai salah satu langkah kerajaan dalam membasmi kemiskinan dan membangunkan kawasan luar bandar dilihat lebih tertumpu kepada kumpulan generasi awal peneroka FELDA, namun tindakan mahupun pelan pembangunan kepada generasi seterusnya seperti anak peneroka FELDA

yang menetap di kawasan rancangan tidak diperincikan sehingga melahirkan permasalahan berulang pada nilai mahupun taraf kemiskinan itu dalam pembangunan yang akhirnya mewujudkan konflik persekitaran seperti pemilikan penempatan dan pekerjaan (Madiha, 2022).

Kesan daripada dapatan kajian pada [Jadual 2](#) dilihat sebagai salah satu momentum tindakan responden untuk mengubah haluan pengundian mereka yang dahulunya memilih BN kepada memilih parti baharu pada pilihan raya lepas.

Jadual 2: Kurangnya Pembangunan Kepada Penerima FELDA

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak Setuju	5	7.7	7.7
	Tidak Pasti	11	16.9	24.6
	Setuju	32	49.2	73.8
	Sangat Setuju	17	26.2	100.0
	Total	65	100.0	

Manakala [Jadual 3](#) pula menunjukkan 64.6% responden memilih untuk mencuba kerajaan baharu dalam memperjuangkan keperluan pembangunan kepada mereka.

Jadual 3: Ingin Mencuba Kerajaan Baharu

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak Setuju	3	4.6	4.6
	Tidak Pasti	20	30.8	35.4
	Setuju	32	49.2	84.6
	Sangat Setuju	10	15.4	100.0
	Total	65	100.0	

Walaupun kerusi Dewan Undangan Negeri Slim tidak berubah kepada parti baharu dan masih dimenangi oleh calon BN pada PRU14, namun berlaku pergerakan undi yang besar turut dapat dihubungkan sebagai satu cubaan atau tindakan kepada untuk melakukan pembaharuan melalui mengundi calon lain selain calon BN. Ini merupakan satu signal 'protes' yang jelas ditunjukkan oleh responden khususnya pengundi di kawasan tersebut yang inginkan sesuatu yang baharu kepada mereka.

Selain itu, perang psikologi melalui media massa yang merangkumi media cetak, elektronik dan verbal menjadikan pendorong psikologi lebih berkesan dalam membentuk tingkah laku individu khususnya dalam mempengaruhi pengundian mereka. Kesan yang dibawa melalui dapatan kajian pada [Jadual 2](#) dan [Jadual 3](#) mungkin kurang berkesan sekiranya media terutamanya media massa seperti media elektronik tidak memainkan peranannya. Menurut [Muhamamd Ridhwan, Mohamad Fauzi dan Mohd Nor \(2021\)](#) media satu medium komunikasi yang berdaya membentuk tingkah laku seseorang dan sekumpulan masyarakat. Manakala [Turner \(2006\)](#) menjelaskan media yang merangkumi cetakan (gambar, tulisan dan warna), filem, pengucapan awam dan komunikasi bersemuka sebagai alat utama kepada pembentukan tingkah laku individu itu.

Oleh demikian [Jadual 4](#) mempamerkan dapatan kajian terhadap peranan media massa dalam melahirkan dinamika pengundian pada medium kajian pada Pilihan Raya Umum ke-14 yang lepas.

Jadual 4 menunjukkan 89.3% responden menyatakan media berperanan dalam membentuk pengundian mereka. Pemilikan peranti mudah alih terutamanya telefon bimbit menjadikan masyarakat lebih mudah, cepat dan jimat dalam memperoleh sebarang informasi dari sumber yang sahih ataupun sebaliknya. Pentingnya maklumat sahih yang diterima akan diadaptasikan oleh masyarakat terutamanya pengundi untuk membina keyakinan mereka terhadap suatu parti politik itu khususnya berkenaan parti pemerintah. Namun perkembangan teknologi maklumat sukar untuk membendung penyebaran maklumat yang tidak sahih dan akan membentuk tingkahlaku masyarakat khususnya pengundi ketika pilihan raya. Menurut Lee ([Bernama, 2020](#)) penyampaian, penerbitan, hebahan serta perkongsian berita palsu akan memberi ancaman kepada keselamatan negara sehingga mampu menggugat keharmonian hubungan masyarakat, agama, bangsa seterusnya berkenaan kedaulatan negara. Daripada dapatan kajian **Jadual 4** juga boleh dihuraikan sebagai media merupakan faktor utama yang teratas dalam ketiga-tiga pendorong kerana majoriti besar responden memilih 'setuju' peranan media ini dalam membentuk tingkah laku pengundian berbanding faktor-faktor lain iaitu berkenaan calon, pembangunan, ingin mencuba kerajaan baharu, skandal pemimpin (**Jadual 5**) dan pentadbiran kerajaan (**Jadual 6**).

Jadual 4: Peranan Media Massa

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak Setuju	3	4.6	4.6
	Tidak Pasti	4	6.2	10.8
	Setuju	43	66.2	76.9
	Sangat Setuju	15	23.1	100.0
	Total	65	100.0	

4.3. Pendorong Sosiologi

Dapatan kajian turut mengenal pasti di mana pendorong sosiologi turut memainkan peranan yang penting dalam membentuk dinamika pengundian sehingga membentuk sistem dua blok parti pada pilihan raya yang lepas. Dua elemen yang dilihat sangat signifikan dalam pendorong sosiologi serta saling berkait rapat adalah isu mengenai skandal pemimpin parti BN sehingga melahirkan persepsi bahawa kerajaan pada ketika itu ditadbir dengan teruk.

Jadual 5 memaparkan 69.3% responden bersetuju di mana dinamika ini terjadi merupakan kesan pengundian mereka yang didorong oleh skandal pemimpin parti khususnya dalam Parti UMNO itu yang menjadi tunjang kepada BN serta kerajaan pemerintah. Menurut Syed Ali, kekalahan UMNO khususnya BN pada Pilihan Raya Umum Ke-14 disebabkan kepimpinan UMNO sendiri membiarkan Presiden UMNO iaitu Perdana Menteri ketika itu melakukan skandal sehingga mengganggu-gugat nilai kepercayaan ahli parti serta pengundi untuk terus menyokong dan mengundi UMNO ([Kow & Jasmine, 2018](#)). Selain itu, Khairy Jamaluddin turut menyatakan skandal pemimpin utama parti yang merupakan Presiden UMNO dan juga Perdana Menteri adalah 'big point' yang menyebabkan berlakunya pergerakan undi serta sokongan dari UMNO kepada Pakatan Harapan ([Astro Awani, 2018](#)). Ini menjelaskan skandal pemimpin parti dan peranan media massa dalam hebahan isu kepimpinan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 berlangsung telah menjadikan pengundi khususnya di kawasan medium kajian membentuk gelagat pengundian yang tersendiri untuk lebih cenderung mengundi parti lain dalam pilihan raya itu.

Jadual 5: Skandal Pemimpin

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak Setuju	2	3.1	3.1
	Tidak Pasti	18	27.7	30.8
	Setuju	30	46.2	76.9
	Sangat Setuju	15	23.1	100.0
	Total	65	100.0	

Keadaan ini turut mencabar akan kepercayaan ahli khususnya pengundi terhadap tahap serta nilai integriti pemimpin UMNO sangat lemah dan berada dalam keadaan 'rosak' kerana teraju utama kepemimpinan parti itu mempunyai skandal yang memberi impak tinggi kepada keseluruhan masyarakat. Penubuhan Transparency International Malaysia (TI-Malaysia) pada tahun 2013 dan Ikrar Integriti Pilihan Raya Transparency International oleh Najib Razak (Abdul Rahim, 2013) menjadi sandaran utama kepada 'imej bersih' pentadbiran dan kepimpinan ketika pemerintahannya, namun pemimpin itu sendiri telah terpalit dengan isu skandal 1MDB sehingga menyebabkan nilai integriti itu hilang yang akhirnya memberi kesan kepada kepercayaan pengundi terhadap beliau serta BN pada PRU-14.

Situasi skandal kepimpinan ini telah memberi kesan kepada persepsi pengundi khususnya responden terhadap pentadbiran kerajaan kerana 87.7% responden mempunyai tanggapan pentadbiran kerajaan berada dalam keadaan teruk seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Pentadbiran Kerajaan Teruk

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak Setuju	2	3.1	3.1
	Tidak Pasti	6	9.2	12.3
	Setuju	42	64.6	76.9
	Sangat Setuju	15	23.1	100.0
	Total	65	100.0	

Tanggapan terhadap nilai pentadbiran kerajaan ini telah memberi kesan pada tahap kebolehppercayaan dan kebergantungan pengundi khususnya responden kepada kerajaan pemerintah yang diterajui oleh UMNO kerana pemimpin utama terpalit dengan skandal. Keadaan ini dijelaskan oleh Rosse, Stecher, Miller dan Levin (1998) di mana personaliti mempunyai hubungan dengan kriteria dan prestasi kerja sehingga membawa kesan yang besar kepada pelaksanaan sesuatu keputusan dalam tindakan kerja. Selain itu, Norida, Mohd Firdaus, Ali Hafizar dan Hafizan (2021) menjelaskan polisi, prosedur dan praktikal yang diamalkan sebagai asas kepada kebergantungan organisasi yang membina sokongan ahli kepada organisasi tersebut. Ini akan melahirkan kesan kepada organisasi dan majikan sama ada positif atau negatif atas apa yang dilaksanakan oleh kepimpinan organisasi itu sepanjang pentadbirannya (Brursema, Kessler & Spector, 2011). Walaupun penyelidik lepas menjelaskan dalam konteks organisasi dan pekerja, namun ianya boleh diterjemahkan dalam konteks hubungan organisasi pemerintahan dengan masyarakat.

Ini kerana UMNO merupakan sebuah organisasi yang menerajui pentadbiran kerajaan dan merupakan badan induk yang merangka serta mengeluarkan polisi sebelum PRU-14. Setiap tindakan tersebut memberi kesan kepada parti itu dan keseluruhan masyarakat

khususnya, sehingga melahirkan persepsi yang akhirnya membetuk pengaruh dan tingkah laku masyarakat iaitu pengundi terhadap setiap tindakan kepimpinan parti itu.

5. Kesimpulan

Dinamika sistem blok dua parti dari keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lepas disumbangkan oleh beberapa faktor yang membentuk tingkah laku pengundian masyarakat. Dalam konteks kawasan luar bandar khususnya di FELDA Trolak Utara, Perak menunjukkan media sebagai faktor utama yang membentuk tingkah laku mereka dalam pengundian. Manakala faktor kedua ialah dari pandangan responden terhadap pentadbiran kerajaan yang teruk, dan faktor seterusnya berkenaan skandal kepimpinan parti, isu calon, isu pembangunan FELDA dan kemahuan untuk mencuba kerajaan baharu. Faktor-faktor ini dilihat saling bergantung antara satu sama lain walaupun berada dalam kumpulan pendorong yang berbeza dalam membentuk dinamika pengundian dan melahirkan momentum dua blok parti pada pilihan raya lepas.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia (JEPeM) Universiti Sains Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan penyelidikan ini. Terutama sekali kepada responden dan pihak pengurusan universiti serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Kewangan (*Funding*)

Penghargaan kepada "Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk Fundamental Research Grant Scheme dengan Kod Projek: FRGS/1/2020/SS0/USM/02/15" dan "Geran Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia, 304/PSOSIAL/6315357".

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahim Sabri. (2013). Najib tandatangani ikrar intergriti p'raya. *Malaysiakini Online*. Diakses di: <https://m/malaysiakini.com/news/221852>
- Aida Aziz. (2019). Dikompaun rm62.5 juta, adun slim buat laporan polis terhadap latheefa koya, sprm. *Astroawani Online*. Diakses di: <https://www.astroawani.com/berita->

- malaysia/dikompaun-rm62.5-juta-adun-slim-buat-laporan-polis-terhadap-latheefa-koya-sprm-220103.
- Astro Awani. (2018). KJ mengaku 1mdb punca umno tumbang. *Astroawani Online*. Diakses di: <https://www.astroamani.com/berita-politik/kj-mengaku-1mdb-punca-umno-tumbang-177355>.
- Berita Harian Online. (2022). Bernama: EPU buat kajian tangani isu kawasan felda. *Bhrian Online*. Diakses di: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/935891/epu-buat-kajian-tangani-isu-kawasan-felda>
- Bernama. (2020). Penyebaran berita palsu boleh gugat keselamatan negara – Lee Lam Thye. *Astroawani Online*. Diakses di: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyebaran-berita-palsu-boleh-gugat-keselamatan-negara-lee-lam-thye-232050>.
- B Nantha., K. (2020). Penduduk trolak pecan harap isu banjir 52 tahun selesai prk kali ini. *Malaysiakini Online*. Diakses di: <https://m.malaysiakini.com/news/538888>
- Chin, B., G. (1992). MCA atau DAP yang mendapat sokongan kaum Cina? Satu Tinjauan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Darulaman (N10). *Latihan Ilmiah*. Jabatan Sains Politik: Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Brursema, K., Kessler, S. R., & Spector P. E. (2011). Bored employess misbehaving: The relationship between boredom and counterproductive work behaviour. *Work & Stress*, 25(2), 93-107.
- FELDA. (2014). Laman utama: Mengenai FELDA. *Portal FELDA*. Diakses di: www.felda.net.my/index.php./felda/mengenai-felda
- Hashim Harun. (1994). Ragam pengundi melayu bandar dan desa di kajang dan dengkil. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysi (tidak diterbitkan).
- Ismail Kasim . (1979). *Race Politics and Moderation: A Study of the Malaysian Election Process*. Singapore: Time Book International.
- Junaidi Awang Besar. (2017).Trend pengundian dalam pilihan raya umum malaysia ke-13. *Journal of social Sciences and Humanities*, 12(2). 126-149.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2013). Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Kecil 2009-2011 Di Malaysia. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohamad Hazim Abdul Ghani & Zainun Abidin baharum. (2014). Kuala Lumpur dan cabaran pembangunan berterusan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 10 (6). 75-85.
- Kow, G. C., & Jasmine, F. (2018). Umno kalah sebab pemimpin bisu dalam skandal 1mdb, kata syed ali. *Malaysiakini Online*. Diakses di: <https://m.malaysiakini.com/news/427948>.
- Lim, L., H. (1990). Penilaian pilihan raya kecil kawasan Parlimen Ampang Jaya tahun 1989: Satu kajian perhubungan unsur kelas sosial dan unsur perkauman. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Sains Politik: Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Madiha Abdullah. (2022). Ngo belia felda fokus bantu selesai isu berbangkit, pembangunan anak muda. *AstroAwani Online*. Diakses di: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ngo-belia-felda-fokus-bantu-selesai-isu-berbangkit-pembangunan-anak-muda-346598>
- Majelar Mamat. (1993). *Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Nilam Puri (P 22), Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Malaysiakini. (2018). Berita: Undi masyarakat luar bandar jadi deposit tetap BN – Ismail. *Malaysiakini Online*. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/news/420488>

- McDonald, A. (1965). *Politics a study of control behaviour*. New Jersey: Rotgers University Press.
- Mc Gee, T. G. (1962). The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography. *The Journal of Tropical Geography*, 16: 70-99.
- Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis. (2002). Bab 1: Pilihan Raya Parlimen Sarawak. Dalam Faisal Syam Abdol Hazis, Neilson I. M, & Ahi S. (2002). *Tingkah Laku Pengundi Dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS): Kota Samarahan, Sarawak
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. (2016). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan politik baharu, kekentalan politik lama*. Sintok, Kedah: Penerbitan Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Muhamamd Ridhwan Sarifin, Mohamad Fauzi Sukimi & Mohd Nor Shahizam Ali (2021). Penggunaan media dalam pengendalian identiti etnik generasi kedua Bawean di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 37(1). 348-363.
- Norida A., Mohd Firdaus A., Ali Hafizar M. R., & Hafzan A. (2021). Hubungan antara personality dan persepsi terhadap tingkah laku kerja tidak produktif dalam kalangan pekerja industri: Kajian Literatur. *Journal of Human Capital Development*, 12(1). 1-17. Diakses di: <https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/download/6167/4211>
- Nuralawati Sabri. (2021). Prn Melaka: 'Pilih calon ikut kehendak pengundi'. *Bharian Online*. Diakses di: <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2021/10/881278/prn-melaka-pilih-calon-ikut-kehendak-pengundi>.
- Rogers, M. L. (1992). *Local Politics in Rural Malaysia: Patterns of Change in Sungai Raya*. Boulder, Colo.: Westview Press
- Rosse, J., Stecher, Miller & Levin. (1998). Konsepstualizing the role of self-esteem in the burnout process. *Group and Organizational Studies*, 16. 428-451.
- Shahbudin Embun (2018). Integriti penentu kemenangan calon pru-14. *Bharian Online*. Diakses di: <https://www.bharian.com.my/kolomunis/2018/01/379233/integriti-penentu-kemenangan-calon-pru-14>
- Shamrahyu, A. A. (2018). Demokrasi, pilihan raya dan tanggungjawab warganegara. Dalam Berita Harian Online 28 April 2018. Muka Surat 10. *Bharian Online*. Diakses di: <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/04/417961/demokrasi-pilihan-raya-dan-tanggungjawab-warganegara>.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1990). *Masyarakat Malaysia yang membangun*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Turner, B. S. (2006). *The Cambridge dictionary of sociology*. Cambridge University Press.
- Utusan. (2018). Blok undi India penentu menang. *Utusan online*. Diakses dari <https://m.utusan.com.my/rencana/utama/blok-undi-india-penentu-menang-1.633004>
- Vasil, R. K. (1972). *The Malaysian General Election of 1969*. Singapore: Oxford University Press.
- Zakry Abadi. (1990). *Analisis Pilihan Raya Umum 90*. Kuala Lumpur: MYZ Sdn. Bhd.